



TAN (kiri) dan Hashim menunjukkan dokumen perjanjian antara IUHB dan Forselab di Subang Jaya, semalam. - Gambar oleh Afendi Mohamed

BH 7/1/03

IUHB labur RM20 juta bangunkan e-kampus

INTI Universal Holdings Bhd (IUHB), syarikat pegangan pelaburan bagi Inti International Group of Colleges (Inti College), akan melabur kira-kira RM20 juta bagi membangunkan prasarana kampus elektronik (e-kampus) di kampus Inti College Subang Jaya dan Nilai.

Pelaburan yang akan dibuat dalam tempoh lima tahun itu, meliputi pengenalan kad pintar untuk pelajar dan kakitangannya.

Selain sebagai kad pengenalan diri, pelajar dan kakitangan Inti College boleh menggunakan kad pintar itu untuk pelbagai kegunaan seperti mengemas kini rekod kedatangan, pinjaman buku di perpustakaan dan sebagai kad tunai.

Pengarah Urusan IUHB, Tan Faw Sing, berkata fasa pertama penggunaan kad pintar itu akan dimulakan bulan ini meliputi semua lima kampus Inti College di negara ini membabitkan pelaburan kira-kira RM5 juta.

Fasa kedua pula akan dilaksanakan pada April ini.

Tan berkata, fasa pertama itu membabitkan pembangunan sistem pengurusan kawalan kad pintar yang mengandungi semua aplikasi kegunaan termasuk rekod

kedatangan kuliah, makmal, seminar dan aktiviti luar sekolah yang dapat digunakan dengan lebih pantas dan cekap.

"Ciri lain ialah integrasi sistem perpustakaan pintar yang mengemaskini status dan maklumat pengguna, selain membolehkan pelajar Inti College meminjam buku di mana-mana kampus cawangan kolej kami di negara ini," katanya pada sidang akhbar selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara IUHB dan Forselab BNS (M) Sdn Bhd (Forselab) di Subang Jaya, Selangor, semalam.

Pada majlis itu, Tan mewakili IUHB manakala Forselab oleh Pengerusinya, Tan Sri Hashim Mohd Ali.

Menerusi perjanjian itu, Forselab akan bekerjasama dengan IUHB untuk membangun, melaksanakan dan menguruskan aplikasi sistem kad pintar Inti yang menyediakan keupayaan serta kapasiti bagi kemudahan lebih baik kepada pelajar dan kakitangan.

Selain di Subang Jaya dan Nilai, kampus cawangan lain Inti College ialah di Pulau Pinang, Sarawak dan Sabah.

Tan berkata, pelaksanaan fasa kedua penggunaan kad pintar itu

pula akan membolehkannya digunakan bagi memantau penggunaan tempat letak kereta, bilik kuliah, makmal, kemudahan bilik sukan dan rekreasi.

Katanya, dalam fasa kedua itu juga, pelajar dan kakitangan boleh menggunakan kad berkenaan sebagai kad tunai bagi membeli dan menggunakan perkhidmatan dalam kampus seperti kafeteria, kedai buku serta mesin fotostat.

"Projek e-kampus sebenarnya membabitkan tiga perkara utama iaitu e-pendidikan, sistem pengurusan penuh kampus dan sistem kad pintar yang mana sebahagiannya sudah diperkenalkan seperti perkhidmatan sokongan dan kursus secara talian terus," katanya.

Inti College kini mempunyai kira-kira 14,000 pelajar termasuk 2,100 pelajar asing di lima kampus cawangannya.

Tan berkata, IUHB merancang meluaskan penggunaan kad pintar itu ke kampus Inti College di Thailand serta Jakarta.

Mengenai sama ada IUHB bercadang membuka kolej baru pada masa depan, Tan berkata syarikat akan menumpukan kepada penggabungan operasi dan meningkatkan keupayaan, khususnya dari segi kursus yang ditawarkan.